



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN SIRI 02/2026 KELANTAN

## PERATURAN PERTANDINGAN KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN SIRI 02/2026, KELANTAN SUKAN: TAEKWONDO 9 - 12 JULAI 2026

### 1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan dan syarat pengawalan teknikal yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut sistem **World Taekwondo (WT)** serta Peraturan pertandingan Taekwondo Malaysia (WT).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka peraturan peraturan dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Pertandingan Taekwondo Malaysia(WT).

### 2. TARIKH PERTANDINGAN

- |                                |                                       |
|--------------------------------|---------------------------------------|
| 2.1 Pendaftaran                | - Mulai 13hb Jun hingga 30hb Jun 2026 |
| 2.2 Mesyuarat Pengurus Pasukan | - 9 hb Julai 2026                     |
| 2.3 Pertandingan               | - 10 hb-12 hb Julai 2026              |

### 3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Dewan Jubli Perak, Bandar Kota Bharu, Kelantan.

### 4. PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua negeri. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Negeri atau Wilayah Persekutuan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **dua(2) peserta** bagi setiap acara individu dan 2 pasukan untuk poomsae mix pair.
- 4.3 Penyertaan atlet adalah untuk pemegang tali pinggang hijau dan ke atas sahaja.



**KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN  
SIRI 02/2026  
KELANTAN**

**5. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**

**5.1 KYORUGI**

<b>CATEGORY A - 13 – 14 YEARS (CADET)</b>			
<b>MALE</b>		<b>FEMALE</b>	
FIN	BELOW 33 KG	FIN	BELOW 29 KG
FLY	33.01 KG – 37 KG	FLY	29.01 KG – 33 KG
BANTAM	37.01 KG – 41 KG	BANTAM	33.01 KG – 37 KG
FEATHER	41.01 KG – 45 KG	FEATHER	37.01 KG – 41 KG
LIGHT	45.01 KG – 49 KG	LIGHT	41.01 KG – 44 KG
WELTER	49.01 KG – 53 KG	WELTER	44.01 KG – 47 KG
L / MIDDLE	53.01 KG – 57 KG	L / MIDDLE	47.01 KG – 51 KG
MIDDLE	57.01 KG – 61 KG	MIDDLE	51.01 KG – 55 KG
L / HEAVY	61.01 KG – 65 KG	L / HEAVY	55.01 KG – 59KG
HEAVY	65 KG & ABOVE	HEAVY	59 KG & ABOVE

<b>CATEGORY B - 15 – 17 YEARS (JUNIOR)</b>			
<b>MALE</b>		<b>FEMALE</b>	
FIN	BELOW 45 KG	FIN	BELOW 42KG
FLY	45.01KG – 48 KG	FLY	42.01KG – 44 KG
BANTAM	48.01 KG – 51 KG	BANTAM	44.01 KG – 46 KG
FEATHER	51.01 KG – 55 KG	FEATHER	46.01 KG – 49 KG
	55.01 KG – 59 KG	LIGHT	49.01 KG – 52 KG
WELTER	59.01KG – 63KG	WELTER	52.01KG – 55KG
L / MIDDLE	63.01 KG – 68KG	L / MIDDLE	55.01 KG – 59 KG
MIDDLE	68.01 KG – 73 KG	MIDDLE	59.01 KG – 63 KG
L / HEAVY	73.01 KG – 78 KG	L / HEAVY	63.01KG – 68KG
HEAVY	78 KG & ABOVE	HEAVY	68KG & ABOVE



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### 5.2 POOMSAE

No.	CATEGORY C - 13 – 14 YEARS (CADET)
	Acara
1	Recognized Individual Lelaki
2	Recognized Individual Wanita
3	Recognized Mix Pair

No.	CATEGORY D - 15 – 17 YEARS (JUNIOR)
	Acara
1	Recognized Individual Lelaki
2	Recognized Individual Wanita
3	Mixed Paired

#### 6. KELAYAKAN PESERTA

- 6.1 Hanya Warganegara Malaysia yang layak bertanding bagi mewakili kontinjen Negeri atau wilayah persekutuan dalam program pertandingan Bakat.
- 6.2 Berumur di antara 13 hingga 17 tahun iaitu pada tarikh **1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2013** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 6.3 Tiada sebarang pertukaran ATLET dan ACARA boleh dibuat selepas tarikh tutup pendaftaran.



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### 7. PENDAFTARAN PESERTA

- 7.1 Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui online, tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

#### 8. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 8.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan iaitu pada tempat.
- 8.2 Taklimat Pengurus Pasukan hanya akan meliputi perkara seperti berikut:-
  - 8.2.1 Peraturan Pertandingan
  - 8.2.2 Jadual Pertandingan
  - 8.2.3 Senarai nama akhir atlet
  - 8.2.4 Undian
  - 8.2.5 Etika pemakaian

#### 9. PAKAIAN

- 9.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian Taekwondo dobok, pelindung tubuh elektronik, stokin elektronik, perisai tangan dan kaki pelindung kepala, sarung tangan dan pelindung mulut yang lutsinar seperti yang dibenarkan dalam peraturan pertandingan WT semasa memasuki kawasan pertandingan.
- 9.2 Peserta dilarang memakai sebarang pakaian selain daripada dobok yang mengikut spesifikasi TM, Alat-alat tambahan seperti kasut, cincin, cermin mata, subang, sensor tambahan pada stoking sensor tidak dibenarkan semasa perlawanan. Peserta wanita Islam dibenarkan memakai tudung.



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### 10. PENGGUNAAN DADAH

- 10.1 Menggunakan sebarang dadah, alkohol, ubat perangsang atau suntikan ke dalam bahagian badan sama ada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali.
- 10.2 Ujian doping dan ujian breathalyser untuk alkohol akan dijalankan secara rambang ke atas atlet semasa Program Pertandingan Bakat dikelolakan.
- 10.3 Setiap peserta yang melanggar peraturan-peraturan akan dibatalkan penyertaan di Program Pertandingan Bakat serta tindakan disiplin/tatatertib akan dikenakan.

#### 11. SISTEM PERTANDINGAN KYORUGI

- 11.1 Pertandingan akan dijalankan menggunakan system **"The Best Of Three"** dengan mengunakan peralatan PSS (PROTECTOR SCORING SYSTEM) yang diiktiraf oleh WT.
- 11.2 Peserta perlu memenangi dua daripada tiga pusingan untuk diisytiharkan sebagai pemenang. Sekiranya peserta memenangi dua pusingan berturut-turut iaitu pusingan pertama dan kedua maka peserta akan diisytiharkan sebagai pemenang dan tiada pusingan ketiga akan diadakan.
- 11.3 Peserta juga akan diisytihar sebagai pemenang sekiranya pihak lawan menerima 5 potongan markah (Gam jeom) dalam satu pusingan atau menang dengan perbezaan markah sebanyak 12 dalam satu pusingan. Walau bagaimanapun, perbezaan sebanyak 12 markah ini tidak digunapakai untuk pertandingan separuh akhir dan pertandingan akhir.  
Tempoh setiap pusingan bagi kategori Cadet adalah satu setengah (1 1/2) minit dengan masa rehat satu (1) minit manakala bagi kategori Junior adalah dua minit (2) dengan masa rehat satu (1) minit di antara pusingan untuk kategori lelaki dan perempuan.
- 11.4 Undian secara manual atau elektronik serta jadual perlawanan akan ditetapkan semasa mesyuarat pengurus pasukan.



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN SIRI 02/2026 KELANTAN

## **Recognized Poomsae**

- 11.5 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Cut-off
- 11.6 Bagi perlawanan awal sehingga perlawanan separuh akhir peserta dikehendaki melakukan dua (2) daripada lapan (8) Poomsae yang diwajibkan.
- 11.7 Hanya Lapan (8) atlet terbaik bagi setiap kategori (individu, dan berpasangan) akan dipilih untuk mara ke perlawanan akhir mengikut purata markah kedua-dua persembahan poomsae mereka
- 11.8 Bagi pusingan akhir Lapan (8) atlet terbaik setiap kategori akan dikehendaki melakukan baki dua daripada enam (6) Poomsae yang diwajibkan.
- 11.9 Pengecualian akan diberi sekiranya terdapat 8 atau kurang individu, pasangan atau pasukan yang mengambil bahagian dimana mereka akan layak secara automatik ke perlawanan akhir tanpa perlawanan awal dan separuh akhir.

## **12. PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN/JURULATIH**

- 12.1 Taekwondo Malaysia (WT) akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat delegat Teknikal dan pegawai-pegawai Teknikal.
- 12.2 Pengadil-Pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.
- 12.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil-Pengadil dan jawatan kuasa bantahan (CSB) adalah muktamad.
- 12.4 Hanya jurulatih yang diiktiraf oleh Taekwondo Malaysia (WT) dibenarkan memasuki gelanggang atau kawasan pertandingan. Kad kelayakan Jurulatih haruslah dikemukakan kepada pengadil tengah (center referee) sebelum pertandingan bermula.
- 12.5 Jurulatih luar negara harus memiliki kad kelayakan jurulatih (WT) atau Global Official License (GOL) yang diiktiraf oleh Taekwondo Malaysia (WT) dan mendapatkan kebenaran dari Taekwondo Malaysia (WT)



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### 13. BANTAHAN

##### 13.1 Bantahan semasa pertandingan.

13.1.1 Jurulatih akan menerima kad bantahan daripada pengadil bagi setiap perlawanan. Hanya jurulatih dibenarkan membuat bantahan semasa pertandingan dijalankan dimana jurulatih boleh mengemukakan kad bantahan kepada pengadil dan memberitahu sebab bantahan dibuat. Pengadil kemudian akan mengkaji situasi dan akan memberi keputusan sama ada bantahan diterima atau ditolak. Sekiranya bantahan itu ditolak, maka kad bantahan jurulatih akan diambil dan jurulatih akan hilang peluang untuk membuat bantahan seterusnya untuk perlawanan itu.

##### 13.2 Bantahan selepas pertandingan

13.2.1 Semua pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang bantahan sebanyak RM200.00 tunai.

13.2.2 Wang bantahan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

13.2.3 Bantahan hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Bantahan Tatatertib (CSB) dalam masa sepuluh (10) minit selepas pertandingan itu tamat.

#### 14. JAWATANKUASA BANTAHAN / TATATERTIB (CSB)

14.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan Tatatertib (CSB) dan Prosedur Aturcara Mesyuarat mengenainya adalah seperti yang digunakan oleh Taekwondo Malaysia (WT) yang terdiri:-

14.1.1 Pengerusi Teknikal TM/Wakil ( Pengerusi)

14.1.2 Pengarah Pertandingan / Wakil

14.1.3 Delegat Teknikal

14.1.4 Pengerusi Pengadil TM/ Wakil

14.1.5 Delegat dari Jawatankuasa Executive TM/Jawatankuasa Teknikal.

14.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib (CSB) berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan mengenai perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14.3 Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib (CSB) akan bersidang dalam masa setengah (1/2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil, Pegawai Pertandingan atau pengurus pasukan dan akan membuat keputusan serta mengambil tindakan tatatertib jika perlu.

14.4 Segala keputusan adalah muktamad.



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### 15. TIMBANG

- 15.1 Timbang berat badan bagi peserta Kyorugi adalah sehari sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.
- 15.2 Timbang berat badan rasmi untuk peserta hanya dibuat sekali sahaja. Walau bagaimanapun, timbang berat percubaan dibenarkan selama 1 jam sebelum timbang berat rasmi diadakan untuk peserta.
- 15.3 Semasa menjalani timbang berat badan, setiap peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita hendaklah memakai baju T-shirt dan seluar panjang (track bottom).
- 15.4 Mesin timbang badan akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 15.5 Semasa sesi timbang berat, sila sediakan
- 15.5.1 My kid/ My Kad atau pun sijil kelahiran asal.
- 15.5.2 Sijil tali pinggang Poom / Hitam asal. Sijil Gup (tali pinggang hijau ke atas) asal.
- 15.5.3 Kad Poom / Hitam 2026 asal.

#### 16. HADIAH-HADIAH

- 16.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:-

##### 16.1.1 KYORUGI

##### Kategori Lelaki Cadet (13 tahun – 14 tahun)

BIL	ACARA		PINGAT		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1	FIN	BELOW 33 KG	1	1	2
2	FLY	33.01 KG – 37 KG	1	1	2
3	BANTAM	37.01 KG – 41 KG	1	1	2
4	FEATHER	41.01 KG – 45 KG	1	1	2
5	LIGHT	45.01 KG – 49 KG	1	1	2
6	WELTER	49.01 KG – 53 KG	1	1	2
7	L / MIDDLE	53.01 KG – 57 KG	1	1	2
8	MIDDLE	57.01 KG – 61 KG	1	1	2
9	L / HEAVY	61.01 KG – 65 KG	1	1	2
10	HEAVY	65 KG & ABOVE	1	1	2
		<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>20</b>



**KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN  
SIRI 02/2026  
KELANTAN**

**Kategori Wanita Cadet (13 tahun – 14 tahun)**

BIL	ACARA		PINGAT		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1	FIN	BELOW 29 KG	1	1	2
2	FLY	29.01 KG – 33 KG	1	1	2
3	BANTAM	33.01 KG – 37 KG	1		2
4	FEATHER	37.01 KG – 41 KG	1	1	2
5	LIGHT	41.01 KG – 44 KG	1	1	2
6	WELTER	44.01 KG – 47 KG	1	1	2
7	L / MIDDLE	47.01 KG – 51 KG	1	1	2
8	MIDDLE	51.01 KG – 55 KG	1	1	2
9	L / HEAVY	55.01 KG – 59KG	1	1	2
10	HEAVY	59 KG & ABOVE	1	1	2
		<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>20</b>

**Kategori Lelaki Junior (15 tahun – 17 tahun)**

BIL	ACARA		PINGAT		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1	FIN	BELOW 45 KG	1	1	2
2	FLY	45.01KG – 48 KG	1	1	2
3	BANTAM	48.01 KG – 51 KG	1	1	2
4	FEATHER	51.01 KG – 55 KG	1	1	2
5	LIGHT	55.01 KG – 59 KG	1	1	2
6	WELTER	59.01KG – 63KG	1	1	2
7	L / MIDDLE	63.01 KG – 68KG	1	1	2
8	MIDDLE	68.01 KG – 73 KG	1	1	2
9	L / HEAVY	73.01 KG – 78 KG	1	1	2
10	HEAVY	78 KG & ABOVE	1	1	2
		<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>20</b>



**KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN  
SIRI 02/2026  
KELANTAN**

**Kategori Wanita Junior (15 tahun – 17 tahun)**

BIL	ACARA		PINGAT		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1	FIN	BELOW 42KG	1	1	2
2	FLY	42.01KG – 44 KG	1	1	2
3	BANTAM	44.01 KG – 46 KG	1	1	2
4	FEATHER	46.01 KG – 49 KG	1	1	2
5	LIGHT	49.01 KG – 52 KG	1	1	2
6	WELTER	52.01KG – 55KG	1	1	2
7	L / MIDDLE	55.01 KG – 59 KG	1	1	2
8	MIDDLE	59.01 KG – 63 KG	1	1	2
9	L / HEAVY	63.01KG – 68KG	1	1	2
10	HEAVY	68KG & ABOVE	1	1	2
		<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>20</b>

**16.2 POOMSAE**

**Kategori Cadet (13 tahun – 14 tahun)**

BIL	ACARA	PINGAT			
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1	Recognized Individual Lelaki	1	1	2	
2	Recognized Individual Wanita	1	1	2	
3	Recognized Mix Pair	2	2	4	
		<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>8</b>

**Kategori Junior (15 tahun – 17 tahun)**

BIL	ACARA	PINGAT			
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1	Recognized Individual Lelaki	1		2	
2	Recognized Individual Wanita	1	1	2	
3	Recognized Mix Pair	2	2	4	
		<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>8</b>



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN SIRI 02/2026 KELANTAN

## 17. PENGINAPAN DAN MAKANAN

- 17.1 Segala pengurusan penginapan, pengangkutan dan makanan adalah dibawah tanggungjawab Majlis Sukan Negeri masing-masing.
- 17.2 Pihak Majlis hanya menyalurkan geran bantuan penyertaan pertandingan yang telah disalurkan di bawah Bahagian Pembangunan Bakat, Majlis Sukan Negara.

## 18. TANGGUNGJAWAB

- 18.1 Majlis Sukan Negara Malaysia, Taekwondo Malaysia (WT) dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah / tempat pertandingan / rumah

## 19. TENTATIF PROGRAM

### TENTATIF (AKAN DIMAKLUMKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN)

Tarikh	Masa	Program	Venue
<b>9 Julai 2026</b>	9.00am – 10.00am	Kyorugi Trial Weight In	<b>Dewan Jubli Perak, Bandar Kota Bharu, Kelantan.</b>
	10.00am – 12.00pm	Official Registration and Weight In	
	2.00pm – 3.00pm	Kyorugi & Poomsae Team Manager Meeting <b>* KEHADIRAN PENGURUS PASUKAN ADALAH DIWAJIBKAN</b>	
	4.00pm – 6.00pm	Referee Refresher Course	
<b>10 Julai 2026</b>	9.00am - 6.00pm	Pertandingan Kyorugi/ Poomsae	
	7.00pm - 8.00pm	Penyampaian Pingat	
<b>11 Julai 2026</b>	9.00am - 6.00pm	Pertandingan Kyorugi/ Poomsae	
	7.00pm - 8.00pm	Penyampaian Pingat	
<b>12 Julai 2026</b>	9.00am - 6.00pm	Pertandingan Kyorugi/ Poomsae	
	7.00pm - 8.00pm	Penyampaian Pingat	



# KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

## SIRI 02/2026

### KELANTAN

#### Catatan Penting:

- a) Semua atlet dikehendaki menjalani pemeriksaan sebelum memasuki gelanggang dan hadir tepat pada masanya untuk pertandingan mereka bagi mengelakkan penyingkiran.
- b) Ibu bapa dan penyokong tidak dibenarkan memasuki gelanggang (Arena).
- c) Sebarang ketidakpuasan hati hendaklah disalurkan melalui bantahan rasmi, aduan rasmi kepada Ketua Delegat Teknikal yang bertugas. Aduan hanya boleh dibuat oleh pengurus pasukan atau jurulatih (ibu bapa tidak dibenarkan).
- d) Ketua Delegat Teknikal akan diberi mandat untuk mengambil tindakan segera termasuk penyingkiran atlet, jurulatih, atau pasukan yang terlibat dalam masalah disiplin.
- e) Semasa sesi timbang, sila bawa My Kid/My Kad atau sijil kelahiran untuk tujuan pengesahan.
- f) Semasa sesi timbang, atlet juga perlu membawa sijil tali pinggang Poom/Hitam asal atau sijil Gup (tali pinggang hijau ke atas) yang asal, serta Kad Poom/Hitam TM 2026 yang asal.
- g) Adalah WAJIB bagi semua jurulatih membawa Kad Jurulatih TM mereka. Jika tidak, mereka tidak akan dibenarkan melatih atlet semasa Kejohanan.
- h) Warganegara asing yang ingin menyertai Kejohanan hendaklah mendapatkan endosmen dari Taekwondo Malaysia (WT).
- i) Semua atlet dikehendaki meletakkan logo TM di bahagian kiri atas Dobok.